

4 siswa wakil Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi

Empat pelajar institusi pengajian tinggi tempatan yang mewakili Malaysia dalam Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-12 perlu menjadikan program itu landasan mengembangkan bakat dalam diri masing-masing untuk kegunaan masa depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustafa Mohamed, berkata program yang menggumpulkan 28 peserta dari tujuh negara itu perlu dimanfaatkan peserta Malaysia untuk meraih sebanyak mungkin pengalaman yang boleh digunakan kelak.

"Program seperti ini penting kerana memberi dimensi lain dalam pendidikan yang tidak diajar secara formal di dalam bilik kuliah. Ini disebabkan sistem pendidikan



Empat wakil pemimpin muda Hitachi (dari kiri) Chang Sui Kiat, Khairunnabibah, Ng Cheon Yuen dan Muhammad Nasrullah.

pemimpin muda di Asia Tenggara serta membina jaringan komuniti berpengetahuan dalam rantau ini," katanya dalam majlis pengumuman pemilihan pelajar Malaysia ke HYLI-12, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu, Pengarah Urusan Hitachi Asia (Malaysia) Sdn Bhd, Seiji Yoshimura dan Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan Hitachi Asia Ltd, Kazuaki Otomo.

Wakili negara

Empat pelajar terbabit ialah

pelajar ijazah doktor falsafah Sains Pemakanan Universiti Putra Malaysia, Chang Sui Kiat; pelajar Sarjana Kajian Antarabangsa Universiti Malaysia Sarawak, Khairunnabih Zainal Abidin; pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Petronas, Muhammad Nasrullah Annuar dan pelajar Sarjana Rekaan Grafik, Universiti Sains Malaysia, Ng Cheon Yuen.

Pelajar Malaysia dipilih selepas lulus dalam proses permohonan dan

penilaian termasuk temu duga dijalankan panel yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI, Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria.

Selain Rebecca, ahli lain dalam panel berkenaan ialah Yoshimura, Ketua Pengarah Kementerian Pengajaran Tinggi, Prof Datuk Dr Rujhan Mustafa dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia, Datuk Hafsa Hashim.

Tahun ini, HYLI-12 yang bertemakan 'Perjalanan Masa Depan: Peranan ASEAN dalam Ekonomi

Asia dan Global' akan dianjurkan selama lima hari di Bangkok bermula 1 Julai depan.

Penyertaan dari Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, Jepun dan Malaysia dalam program itu diwakili empat pelajar institusi pengajian tinggi setiap negara akan membincangkan isu serantau terutama membabitkan ekonomi, hubungan serantau, kebudayaan dan Komuniti Ekonomi Asean (AEC).

Tanggungjawab sosial

Diperkenalkan oleh Hitachi Ltd pada 1996, program itu menawarkan peluang kepada pelajar universiti terpilih untuk menjadi penyumbang sosial aktif, membincangkan isu ekonomi serantau dan infrastruktur sosial dengan para pemimpin serantau terkemuka dari sektor-sektor persendirian, awam dan akademik.

Sementara itu, Yoshimura berkata, program yang menjadi tanggungjawab korporat sosial syarikat elektronik terkemuka Jepun itu sebelum ini telah melahirkan ramai alumni berjaya dalam bidang masing-masing sejak diperkenalkan.

"Inisiatif ini adalah satu daripada komitmen kami kepada masyarakat rantau ini dalam melahirkan beberapa ramai pemimpin muda yang akan menjadi tunggal dalam bidang yang diceburi," katanya.



negara ini memberi fokus mempersiapkan diri dalam sektor pekerjaan, namun masih ada perkara di luar kelas yang memberi pengalaman berbeza.

"Tahniah kepada Hitachi kerana menganjurkan program korporat sosial yang mampu melahirkan